

Cadangan tubuh EAEC

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan meneruskan usaha menjayakan penubuhan forum Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan bersedia memberi penjelasan terhadap mana-mana pihak yang masih kabur dengan konsep penubuhannya.

Menurut Perdana Men-

teri, pihak yang menolak penubuhan EAEC itu bagaimanapun perlu memberi alasan penolakan atau keraguan mereka berhubung perkara itu.

Katanya, pihak Asean juga bersedia menghantar kumpulan pegawai Asean bagi menerangkan lebih lanjut kepada pihak yang ingin mendapat penjelasan mengenai pembentukan

EAEC itu.

"Saya ingin tahu apakah bidang yang mereka masih ragu-ragu. Kita sedia memberi penerangan secara mendalam aspek yang mereka tidak faham itu.

"EAEC bukan sebuah blok perdagangan dan ini bermakna Amerika Syarikat masih boleh berdagang dengan Asean.

"Apakah mereka meno-

lak EAEC kerana kita berbangsa Asean atau melanggar hak asasi manusia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-23 Parti Gerakan, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Penolong Setiausaha Negara Amerika bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Winston Lord,

akan diteruskan

09 1 1995
yang berkata Amerika akan mengiktiraf penubuhan EAEC jika tiada kesan negatif timbul selepas penubuhannya.

Lord berkata, negara itu juga tidak menentang penubuhan EAEC sebaliknya berusaha membantu menyelesaikan masalah itu.

Dr Mahathir berkata, kenyataan Lord bagi pihak Amerika mengenai EAEC

itu lebih baik sedikit daripada maklumat yang diterima sebelum ini yang menolak langsung cadangan penubuhannya.

Mengenai masalah gaji kakitangan sektor awam, Perdana Menteri berkata, kerajaan berhasrat menaikkan gaji mereka tetapi ia mesti mengambil kira kemampuan kerajaan dan me-

astikan adanya peningkatan produktiviti.

Bagaimanapun, katanya, masalah yang dihadapi kerajaan berikutan dasar kelonggaran untuk bersara lebih awal dengan harapan segelintir golongan yang disifatkan kayu mati akan keluar adalah meleset.

Sebaliknya kakitangan yang terbaik me-

ninggalkan perkhidmatan kerana tawaran dari sektor swasta.

Isu prestasi sektor awam itu disentuh oleh Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam ucapan dasarnya, antara lain meminta struktur gaji yang ada sekarang dikaji semula bagi meningkatkan kecekapan.